

## **FATHI YAKAN DAN SUMBANGANNYA DALAM BIDANG PEMIKIRAN ISLAM**

FATHI YAKAN AND HIS CONTRIBUTIONS IN  
ISLAMIC THOUGHT

*Asma Kholilah Mohaiyuddin\*, Mohd Nizam Sahad\*\**

\*\*Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan. Universiti Sains  
Malaysia. 11800. Pulau Pinang Malaysia.

Emel: \*asmaizani@yahoo.com

### **Khulasah**

Pemikiran Islam mula mendapat tempat dalam perbahasan di kalangan para intelektual Islam dan bukan Islam sejajar dengan perkembangan ilmu pengetahuan dan pertambahan tokoh ilmuan. Sejak sekian lama, penulisan menjadi medan kepada tokoh intelektual Islam untuk menyampaikan dan menyebarkan pandangan serta pemikiran mereka mengenai sesuatu isu atau perkara. Fathi Yakan salah seorang tokoh yang dikenali dalam bidang dakwah, politik dan gerakan Islam turut menjadikan bidang penulisan sebagai satu cara untuk menyebarkan ilmu dan pemikiran beliau. Buku-buku beliau mendapat sambutan yang menggalakkan di seluruh pelusok dunia dan telah diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa. Artikel ini bertujuan untuk mengkaji sumbangan Fathi Yakan dalam bidang pemikiran Islam. Kajian kepustakaan dilakukan bagi mendapat data mengenai Fathi Yakan serta sumbangan beliau dalam bidang pemikiran Islam. Hasil kajian mendapati bahawa Fathi Yakan telah memberi sumbangan dalam bidang pemikiran Islam menerusi karya-karya beliau yang berkisar mengenai pemikiran akidah, politik dan gerakan Islam, pendidikan, dakwah dan ekonomi.

**Kata kunci:** Fathi Yakan, pemikiran, penulisan, sumbangan.

### **Abstract**

Islamic thought began to gain recognition of intellectual debate over Muslim and non-Muslim scholars, thus the development of knowledge and the escalation of prominent scholars. Over the years, writing had been the chosen medium for Islamic thinkers to express and disseminate their views and thoughts on certain issues or problems. Fathi Yakan, a prominent figure of the field of da'wah, politics and Islamic movement also makes writing to propagate his knowledge and thoughts. His books are well received all over the world and have been translated into various languages worldwide. This article aims to review his contributions to the field of Islamic thought. Library research was conducted to obtain data onto Fathi Yakan and his contributions to the field of Islamic thought. This study found that Fathi Yakan had contributed significantly to the field of Islamic thought through his books encompassing *'aqidah*, politics, Islamic movements, education, da'wah and economic.

**Keywords:** Fathi Yakan, thought, writing, contributions

### **Pendahuluan**

Pemikiran Islam merupakan salah satu cabang ilmu yang berkait rapat dengan penggunaan fungsi akal serta berkemampuan menghasilkan pelbagai pendekatan dalam mentafsirkan sesuatu perkara atau isu semasa. Pemikiran Islam seperti cabang-cabang ilmu yang lain juga turut mengalami evolusinya yang tersendiri dengan kemunculan pelbagai aliran pemikiran sejajar dengan perkembangan minda dan ilmu pengetahuan hari ini.

Salah satu cara yang diguna pakai untuk menyalurkan dan mengembangkan pemikiran individu atau pun kumpulan tertentu adalah menerusi bidang penulisan. Sejak sekian lama ia telah dipraktikkan oleh tokoh-tokoh intelektual Islam untuk menyalurkan pandangan dan pemikiran mereka selain bertujuan untuk menyampaikan

ilmu dan melaksanakan dakwah. Di antara tokoh Islam yang menggunakan medium ini sebagai saluran ilmu dan pemikiran mereka ialah Hassan al-Banna (m.1949), al-Maududi (m.1979), Fathi Yakan (m.2009) dan sebagainya.

Tidak terkecuali juga tokoh-tokoh ilmunan di Malaysia menggunakan penulisan sebagai sebagai cara untuk menyebarkan pandangan dan pemikiran mereka seperti Mahathir Mohamad yang menulis pelbagai buku termasuk buku yang bertajuk *Perspectives on Islam and The Future of Muslims* (1993), Nik Abdul Aziz Nik Mat dengan buku beliau bertajuk *Bicara Ini Demi Ilahi* (2013) dan sebagainya. Dalam konteks dunia tanpa sempadan pada hari ini, pemikiran mudah disebar di kalangan umum menerusi bidang penulisan kerana ia bukan sahaja dapat dilakukan menerusi bahan bercetak tetapi juga boleh disampaikan menggunakan kemudahan atas talian seperti blog, Facebook dan WhatsApp yang mampu disebar dengan mudah dan cepat.

### **Latar Belakang Kajian**

Pemikiran Islam mencakupi pengetahuan yang mempunyai kaitan dengan Allah s.w.t, manusia dan alam. Ia adalah ijthad akal manusia dalam usaha membuat penafsiran terhadap ilmu yang bersifat umum menurut prinsip-prinsipnya yang tersendiri iaitu prinsip akidah, akhlak dan syariah dan merupakan pemikiran yang lahir daripada pemikiran umat Islam dan bersumberkan Al-Qur'an dan al-Sunnah.<sup>1</sup>

Selari dengan perkembangan zaman dan ilmu pengetahuan, penambahan golongan ilmunan dan cendekiawan dan kemunculan permasalahan baru di kalangan umat Islam, pemikiran Islam tidak terkecuali terdedah kepada perkara-perkara negatif. Antaranya ialah pengaruh liberalisme telah melahirkan golongan pemikir-

---

<sup>1</sup> Mohamad Kamil Ab. Majid, "Pemikiran Islam dalam Menghadapi Cabaran Abad ke 21M," *Jurnal Usuluddin*, bil. 2, (1995): 131-142.

pemikir Islam liberal yang mendokong pelbagai ideologi asing seperti pluralisme, rasionalisme dan sebagainya dalam masyarakat Islam masa kini.<sup>2</sup>

Pemikiran Islam mula berkembang pada suku akhir abad pertama Hijrah dan perkembangan itu telah membawa kesan terhadap kemunculan pelbagai mazhab akidah dan fiqh, kepelbagaian aliran tasawuf falsafah, tafsir serta jurang perbezaan pendapat antara golongan Sunni dan Syi'ah.<sup>3</sup> Ia semakin berkembang dari semasa ke semasa dan mengalami evolusinya yang tersendiri seiring perkembangan semasa dalam pendekatan akidah, tasawwuf dan fiqh.<sup>4</sup>

Salah satu metode untuk menyebarkan pemikiran adalah melalui bidang penulisan. Penulisan dan golongan intelektual tidak dapat dipisahkan kerana penulisan menjadi saluran untuk merakamkan pengalaman, menyebarkan pandangan dan pemikiran serta menyebarkan ilmu pengetahuan dalam pelbagai disiplin ilmu sejak penulisan ilmu-ilmu Islam mula dipraktikkan malah tradisi ini berterusan sehingga hari ini.

Dalam era globalisasi hari ini, pengaruh dan fungsi penulisan dalam membentuk pemikiran dan budaya berfikir masyarakat tidak boleh dinafikan kepentingannya. Malah penulisan juga turut memainkan tanggungjawab untuk memperkasakan umat Islam dan membaik pulih kerosakan akidah dan akhlak yang berlaku di kalangan ummah, mengajak manusia ke arah kebaikan dan mencegah kemungkaran di samping meneruskan misi mengembangkan agama Islam dan mengajak manusia menyembah Allah s.w.t.

---

<sup>2</sup> Mohamad Ariffin b. Ismail, *Cabaran Akidah: Pemikiran Islam Liberal*, (Kuala Lumpur: Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2009), 34.

<sup>3</sup> Mohamad Kamil Ab. Majid, 131-142.

<sup>4</sup> *Ibid.*

Fathi Yakan seorang tokoh yang terkenal dalam bidang dakwah melalui karya-karya dakwah beliau yang mendapat sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat dalam dan luar Lubnan. Beliau yang juga merupakan seorang tokoh politik yang terlibat sebagai wakil Parlimen Lubnan telah banyak menghasilkan buku-buku yang menyentuh mengenai subjek dakwah, politik, gerakan Islam dan juga berkaitan dengan isu-isu semasa yang berkait rapat dengan kehidupan umat Islam. Menurut Zulkifly, buku Fathi Yakan juga turut dijadikan pilihan sebagai buku rujukan oleh gerakan Angkatan Belia Islam Malaysia.<sup>5</sup>

Sambutan yang diterima terhadap buku-buku penulisan beliau amat menggalakkan sama ada dalam atau luar negara. Sebagai contoh buku *al-Istī'āb fī Hayāh al-Da'wah wa-al-Dā'iyah* telah diterbitkan pada tahun 1982 dan pada tahun 1990 ia telah diulang cetak untuk kali kesembilan. Buku *Kayf Nad'ū ilā al-Islām?* telah diulang cetak untuk kali keempat belas pada tahun 1992. Mengikut anggaran sebanyak 70,000-120,000 naskah telah terjual dengan purata 3,000-10,000 salinan dicetak bagi setiap dua tahun.<sup>6</sup> Manakala buku *Mādhā Ya'ni Intimā'ī li al-Islām* telah diulang cetak buat kali kelapan pada tahun 1990.<sup>7</sup> Kesemua cetakan tersebut adalah dalam bahasa Arab. Malah terdapat juga buku-buku beliau yang telah diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa di pelbagai

---

<sup>5</sup> Zulkifly Abdul Malek, "From Cairo to Kuala Lumpur: The Influence of The Egyptian Muslim Brotherhood on The Muslim Youth Movement of Malaysia (ABIM)", (Tesis Master of Arts in Arab Studies, University of Georgetown, 2011), 55.

<sup>6</sup> Sebastian Elsasser, "Fathi Yakan: Islamitischer Intellektueller und Aktivist, Grundungsvater des Sunnitischen Islamismus im Libanon," *Jurnal Orient*, vol. IV, (2007), 64-71.

<sup>7</sup> Fatḥi Yakan, *Mādhā Ya'ni Intimā'ī li al-Islām*, cet. 8 (Beirut: Muassasah al-Risālah, 1982).

negara termasuk bahasa Turki, Urdu, Bosnia, Indonesia dan lain-lain lagi<sup>8</sup> tidak terkecuali dalam bahasa Melayu.

Dari segi metodologi, kajian ini menggunakan metode kepustakaan yang melibatkan pencarian dan penggunaan sumber yang boleh didapati di perpustakaan seperti buku, jurnal, majalah dan sebagainya. Penulis menggunakan metode ini untuk mendapatkan maklumat mengenai Fathi Yakan dan sumbangan beliau dalam bidang pemikiran Islam berdasarkan karya-karya beliau.

### **Penulisan dalam Islam**

Penulisan secara praktiknya melibatkan aktiviti seperti memikir, mengkaji, memilih, merakam dan menulis pengalaman hasil daripada pemerhatian, pengalaman dan pemikiran seorang penulis.<sup>9</sup> Dalam hal ini penulisan adalah aktiviti yang berkait rapat dengan fungsi akal manusia dan diterjemahkan semula dalam bentuk tulisan pengalaman, pemerhatian dan pemikiran seseorang.

Sejarah penulisan ilmu-ilmu Islam teretus dengan bermulanya penulisan al-Qur'an dalam bentuk mushaf.<sup>10</sup> Pada zaman Rasulullah s.a.w, para sahabat berusaha memberi tumpuan kepada al-Qur'an kerana kandungannya dianggap merupakan inti pati kepada dakwah.<sup>11</sup> Pada zaman tersebut penulisan menjadi medium untuk menyeru pemerintah-pemerintah negara yang bukan beragama Islam menyembah Allah s.w.t dan memeluk agama Islam.<sup>12</sup>

---

<sup>8</sup> Sebastian Elsasser, Fathi Yakan, 64-71.

<sup>9</sup> Nor Raudah Hj. Siren, *Retorik Penulisan Dakwah* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2013), 29.

<sup>10</sup> *Ibid*, 15.

<sup>11</sup> Ahmad Redzuwan Mohd Yunus, *Sejarah Dakwah* (Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributor, 2001), 15.

<sup>12</sup> 'Abd Karīm Zaydān, *Uṣūl al-Da'wah*, cet. 3 (Beirut: Muassasah al-Risālah, 1976), 463. Lihat juga 'Alī Mahfuz, *Hidayah al-Murshidīn ilā Ṭuruq al-Wa'z wa al-Khiṭābah*, cet.9 (Kaherah: Dār al-'itiṣām, 1979), 49.

Menurut Talib, penulisan memainkan peranan penting untuk membentuk pemikiran masyarakat dan zaman serta mempunyai keupayaan untuk menjadi senjata memerangi segala unsur dan anasir yang boleh mengancam dan merosakkan kehidupan masyarakat.<sup>13</sup> Selain itu, ia juga boleh menjadi alat penyebaran ilmu dan pemikiran ulama masa silam dan generasi Muslim kini di samping ia dapat memperkukuhkan nilai-nilai Islam ummah, selain dapat membela dan memperkukuhkan kepentingan agama Islam.<sup>14</sup> Jelas di sini penulisan Islam tidak dapat dinafikan kepentingannya dalam menentukan hala tuju pemikiran dan mengawal keselamatan masyarakat serta memperkukuhkan agama dan umat Islam.

Penulisan berkeupayaan mempengaruhi masyarakat melalui pembacaannya serta dapat membentuk pandangan masyarakat terhadap sesuatu isu malah ia juga boleh menjadi satu alat untuk menyebarkan isu atau perkara yang boleh memberi pengaruh kepada budaya berfikir dan tindakan masyarakat dalam sesuatu perkara.<sup>15</sup> Ulama dan cendekiawan Islam yang terdahulu menggunakan medium ini untuk menyebarkan ilmu serta pemikiran mereka dan seterusnya memindahkan ilmu dan pemikiran itu dari satu generasi kepada satu generasi yang lain.

Antaranya ialah Hassan al-Banna (m.1949) yang menggunakan majalah, akhbar dan buku sebagai saluran untuk menyampaikan dakwah selain usrah dan ceramah,<sup>16</sup> Pak Natsir (m.1993) yang menyebarkan pemikiran menerusi buku-buku tulisan beliau yang ditulis dalam

---

<sup>13</sup> Talib Samat, *Motivasi dan Jihad Umat Islam Alaf Baru*, cet. 1 (Selangor: Thinker's Library, 1980), 41.

<sup>14</sup> Yunus Hanis Syam, *Panduan Berdakwah lewat Journalistik*, cet. 1 (Penerbit Pinus, Yogyakarta, 2006), 42.

<sup>15</sup> *Ibid*, 41-42.

<sup>16</sup> Ab. Aziz Mohd. Zin, *Pengantar Dakwah Islamiah* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1997), 164.

bahasa Indonesia dan Belanda,<sup>17</sup> al-Mawdudi (m.1979) yang cenderung menggunakan tulisan sebagai saluran dakwah seperti buku, majalah dan akhbar<sup>18</sup> dan lain-lain lagi.

Jelas di sini menunjukkan kelebihan penulisan dalam melaksanakan fungsinya terhadap pembangunan individu dan masyarakat menjadikan ia pilihan sebahagian tokoh-tokoh Islam untuk menyebarkan ilmu, pengaruh dan pemikiran mereka kepada umum. Malah ilmu dan pemikiran itu mampu dipelihara dan disebarkan kepada generasi seterusnya melalui hasil tulisan mereka. Pemikiran yang dirakamkan dan disebarkan menerusi penulisan memberi peluang kepada masyarakat untuk menilai dan mengkaji pandangan tokoh-tokoh tersebut dalam usaha membentuk pandangan masyarakat terhadap sesuatu isu atau perkara dan tindakan yang lahir selepasnya dan secara tidak langsung merencanakan perkembangan pengetahuan daripada pelbagai aliran pemikiran dan disiplin ilmu.

### **Latar Belakang Fathi Yakan**

Nama sebenar beliau adalah Maḥmūd Faṭḥī Muḥammad Inayah Syarif Yakan<sup>19</sup> atau dikenali juga sebagai Maḥmūd Faṭḥī Yakan<sup>20</sup> dilahirkan di Tripoli, Lubnan pada 9 Februari 1933.<sup>21</sup> Hasil perkahwinan beliau dengan Mona Haddad (m.2013) iaitu seorang anak watan Tripoli,

---

<sup>17</sup> *Ibid*, 170.

<sup>18</sup> *Ibid*, 161.

<sup>19</sup> "Al-Dā'iyyaṭ al-Duktūr Faṭḥī Yakan, al-Murāqib al-‘Ām al-Asbaq li al-Ikhwān fī Lubnān," Wikibidiya al-Ikhwān al-Muslimūn. Tarikh akses 28 Ogos 2012, <http://www.ikhwanwiki.com>.

<sup>20</sup> 'Alī, Lāghā, *Faṭḥī Yakan: Dā'iyah wa Rā'idan li al-Harakah al-Islāmīyah fī Lubnān*, cet. 2 (Beirut: Markaz al-Ḥaḍārah li Tanmīyah al-Fikr al-Islāmī, 2012), 34.

<sup>21</sup> "Al-Dā'iyah Faṭḥī Yakan: al-Sīrah al-Dhātīyah wa al-‘Ā'ilīyah", Shubakah al-Da'wah, tarikh akses 12 November 2010, <http://www.daawa.net>.



mereka telah dikurniakan lima orang cahaya mata.<sup>22</sup> Keluarga Fathi Yakan berasal dari Turki. Moyang beliau Hamzah Basya Yakan telah berhijrah ke Tripoli pada tahun 1681 setelah berlakunya perselisihan antara keluarganya dan Sultan Turki ketika itu.<sup>23</sup> Bermula dari saat itulah salasilah keluarga Fathi Yakan terbentuk di Tripoli.

Fathi Yakan adalah pemegang diploma sekolah tinggi dari sekolah lelaki Amerika pada tahun 1953 dan kehadiran beliau sebagai pelajar di sekolah ini turut membantu beliau bergaul dengan para pelajar yang berasal dari keluarga yang berpengaruh di Tripoli.<sup>24</sup> Beliau seterusnya menyambung pelajaran dalam bidang kejuruteraan pada peringkat Ijazah Sarjana Muda dan Sarjana.<sup>25</sup> Beliau menukar pengajian beliau kepada bidang Pengajian Islam dan Bahasa Arab pada peringkat Doktor Falsafah.<sup>26</sup>

Sejak kecil lagi beliau telah didedahkan dengan aktiviti keagamaan oleh bapa beliau seperti kuliah mingguan yang melibatkan sebahagian ulama dan ahli zikir, nasyid dan bacaan al-Qur'an serta alunan qasidah burdah.<sup>27</sup> Malah pendidikan awal beliau di alam kanak-kanak banyak dipengaruhi oleh bapa dan neneknya dalam suasana keagamaan yang konservatif.<sup>28</sup> Suasana persekitaran keluarga dan pendidikan yang diterima beliau

---

<sup>22</sup> *Ibid.*

<sup>23</sup> 'Alī, Lāghā, *Fathī Yakan*, 22.

<sup>24</sup> "Al-Dā'iyah Fathī Yakan: Mudhākirāt al-Shakhṣīyah," *Shubakah al-Da'wah*, tarikh akses 12 November 2010, <http://www.daawa.net>.

<sup>25</sup> Ahmad Amri Zainal Abidin dan Nurasyikin Ahmad, *50 Tokoh Islam yang Mengubah Dunia*, cet. 1 (Selangor: PTS Millenia. Sdn. Bhd. 2009), 45

<sup>26</sup> "al-Dā'iyah Fathī Yakan", *Shubakah al-Da'wah*, Lihat juga Ahmad Amri dan Nurasyikin, *50 Tokoh Islam yang Mengubah Dunia*, 45.

<sup>27</sup> 'Alī, Lāghā, *Fathī Yakan*, 21.

<sup>28</sup> *Ibid.*, 19.

memberi kesan positif terhadap kehidupan dari segi peribadi, pemikiran dan sebagainya.

Penglibatan Fathi Yakan dalam bidang penulisan bermula pada tahun 1950-an di mana buku beliau yang bertajuk *The Message of Pan-Arabism* telah diterbitkan pada tahun 1958.<sup>29</sup> Di antara buku-buku beliau yang dikenali umum ialah *Mādhā Ya'nī Intimā'ī li al-Islām, Kayf Nad'ū ilā al-Islām? al-Istī'āb fī Ḥayāh al-Da'wah wa al-Dā'īyah*. Selain itu, beliau juga banyak menghasilkan karya-karya yang berkaitan dengan politik, gerakan Islam dan permasalahan umat Islam.

Beliau juga merupakan individu yang terlibat dengan penubuhan Universiti Jinan Lubnan berama-sama dengan isteri beliau Mona Haddad. Beliau telah dilantik sebagai salah seorang pemegang amanah universiti tersebut.<sup>30</sup> Malah universiti ini juga turut menjalin kerjasama dua hala dengan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Institut Pengajian Asia Barat Universiti Kebangsaan Malaysia dan Institut Pemikiran Islam Antarabangsa Malaysia (ISTAC).<sup>31</sup>

Ketika Fathi Yakan memimpin Parti al-Jamā'ah al-Islāmīyah, ideologi beliau juga turut memberi pengaruh terhadap ideologi parti tersebut.<sup>32</sup> Malah parti ini juga pernah dilabelkan sebagai satu gerakan fundamentalis

---

<sup>29</sup> "Curriculum Vitae of Islamic Group Leader: Yakan," Beirut: al-Safir in Arabic 19 September 1992, *JPRS Report Near East and South Asia*, 21 Disember 1992, 3.

<sup>30</sup> "Board of Trustee," Jinan University of Lebanon, tarikh akses pada 18 Ogos 2011, <http://www.jinan.edu.lb>. Lihat juga Mahan, Abedin, Middle East: Opposition Struggles for Control of Tripoli, 13 Januari 2010, *Asia Times Online*, tarikh akses 20 Februari 2012 <http://www.atimes.com>.

<sup>31</sup> "List of Agreements," Jinan University of Lebanon, <http://www.jinan.edu.lb>, tarikh akses pada 1 Mac 2015.

<sup>32</sup> A.Nizar Hamzeh, Islamism in Lebanon: A Guide to The Groups, *The Middle East Quarterly*, vol. 4, no. 3, September 1997, 47-53, tarikh akses 1 November 2015, [www.meforum.org](http://www.meforum.org).

sunni yang berpengaruh di Akkar dan Tripoli yang berani memberi amaran kepada Amerika Syarikat berhubung tindak tanduk negara itu selepas serangan 11 September.<sup>33</sup>

Fathi Yakan juga pernah berjuang bersama kumpulan Ikhwan al-Muslimin Syria bersama-sama dengan Sai'd Hawa menentang Israel dan pihak Barat ketika berlakunya Perang Arab-Israel.<sup>34</sup> Beliau juga dinyatakan sebagai seorang tokoh dan pendakwah yang berusaha menyatukan golongan Sunni dan Syiah. Justeru apabila berlaku demonstrasi menentang Presiden Lubnan, Fouad Siniora, beliau telah bertindak menjadi imam solat jumaat bagi golongan Sunni dan Syiah yang mengadakan demonstrasi tersebut.<sup>35</sup>

Fathi Yakan didakwa sesetengah pihak sebagai seorang tokoh yang terpengaruh dengan ideologi Syed Qutb dan Ikhwan al-Muslimin.<sup>36</sup> Malah beliau juga dikatakan mempunyai kecenderungan menyokong Osama bin Laden (m.2011) dan al-Qaeda berdasarkan kenyataan-kenyataan yang beliau keluarkan biarpun pada hakikatnya beliau tidak menggunakan strategi kedua-duanya ketika

---

<sup>33</sup> Gary C. Gambill, "Lebanon Ambivalent Toward US War on Terror," *Middle East Intelligence Bulletin*, Oktober 2001, vol.3, no.11. Tarikh akses 25 Februari.2012, <http://www.meforum.org>.

<sup>34</sup> Bilal Y. Saab & Magnus Ranstorp, "Securing Lebanon from the Threat of Salafist Jihadism", *Studies in Conflict & Terrorism*, vol. 30, issue 10, (2007), 825-855.

<sup>35</sup> Israel Elad-Altman, The Brotherhood and The Shiite Question disunting oleh Hillel Fradkin, et.al, *Current Trends in Islamist Ideology*, vol.9, (2007), 46-63. Tarikh akses 24 Februari 2012, <http://www.hudson.org>.

<sup>36</sup> "Obituary Fathi Yakan-Lebanese Muslim Brotherhood Leader," The Global Muslim Brotherhood Daily Watch, tarikh akses pada 2 Julai 2011, <http://www.globalmbwatch.com>.; Lihat juga Bilal Y. Saab & Bruce O.Riedel, "Expanding The Jihad: Hizb'allah Sunni Islamist Network," *The Brookings Institution*, 2007. Tarikh akses 24 Februari 2012, <http://www.brooking.edu>.

berhadapan dengan pihak Barat.<sup>37</sup> Justeru bukan sesuatu yang asing apabila idea-idea daripada tokoh-tokoh tersebut digunapakai dalam penulisan beliau atau terdapat kecenderungan terhadap ideologi mereka.

Fathi Yakan juga dikatakan meminati hasil penulisan beberapa tokoh yang mempunyai pemikiran yang berbeza dengan beliau walaupun tidak bersetuju dengan strategi, fahaman atau falsafah yang dikemukakan oleh tokoh-tokoh tersebut dalam penulisan mereka. Antaranya ialah falsafah pengajaran Ayman al-Zawahiri seorang pemimpin al-Qaeda, penulisan tokoh komunis seperti Friedrich Engels (m.1895), Karl Max (m.1883) dan Vladimir Ilych Lenin (m.1924), penulisan tokoh revolusi Perancis seperti Jean Jacques Rouses (m.1778) dan Francois-Marie Arouet de Voltaire (m. 1778).<sup>38</sup>

Paz dalam kertas kerja beliau yang bertajuk *Targetting Terrorist Financing in The Middle East* yang dibentangkan dalam International Conference on Countering Terrorism Through Enhanced International Cooperation di Courmayeur Mont Blanc Itali pada 22-24 September 2000 mengakui Fathi Yakan bukan sahaja individu yang berpendidikan tinggi dalam bidang agama namun nama beliau dikategorikan seangkatan dengan Syeikh Omar Abdul Rahman di Mesir, Yusuf al-'Azam di Jordan, Muhammad al-Albani di Syria dan Yusuf al-Qaradhawi di Qatar yang memberi galakan terhadap persepsi golongan radikal Islam yang baru.<sup>39</sup>

---

<sup>37</sup> Bjørn Olarutvik & Truls Hallberg Tønnessen, "Islamist Movement in The Middle East: Challenging The Autocrat", *Report Jun 2008 University of Oslo*.55. Tarikh akses 24 Februari 2012 <http://bs3.auinstallation28.cs.au.dk>.

<sup>38</sup> *Ibid.*

<sup>39</sup> Reuven, Paz, "Targetting Terrorist Financing in The Middle East" Kertas Kerja, International Conference on Countering Terrorism through Enhanced International Cooperation, Courmayeur Mont Blanc Itali, 22-24 September 2000, 4-5.

Elsasser dalam kajian beliau mengenai Fathi Yakan<sup>40</sup> merumuskan bahawa beliau telah mencapai kejayaan dalam usaha menyatukan fahaman radikalisme dan pragmatisme dalam satu teori berfahaman aktivis. Dalam artikel yang lain, Elsasser juga turut menyentuh mengenai penglibatan Fathi Yakan dalam politik dan aktivisme Islam Lubnan serta hubungan beliau dengan kumpulan politik dan individu yang radikal dari golongan Islam Sunni.<sup>41</sup>

Pada hari Sabtu, 13 Jun 2009 jam 4.45 petang waktu tempatan, Fathi Yakan telah diisytiharkan meninggal dunia ketika berumur 76 tahun di Hospital Hotel Dieu di Achrafieh.<sup>42</sup> Kematian beliau merupakan satu kehilangan kepada umat Islam kerana banyak jasa yang ditaburkan kepada umat Islam sedunia menerusi penglibatan beliau dengan komuniti Islam dalam dan luar negara. Namun hasil penulisan beliau yang mengandungi pelbagai ilmu serta pemikiran beliau masih boleh dibaca, dikaji dan dijadikan panduan oleh umat Islam kini dan akan datang.

### **Pemikiran Islam dalam Penulisan Fathi Yakan**

Penulisan Fathi Yakan memperlihatkan perbincangan aspek-aspek yang melibatkan bidang-bidang berikut menurut pandangan dan pemikiran beliau.

#### **1. Pemikiran Akidah**

Menurut Fathi Yakan, akidah Islam ialah akidah yang berpaksikan dan selari dengan apa yang disampaikan

---

<sup>40</sup> Sebastian Elsässer, Between Ideology and Pragmatism: Fathi Yakan's Theory of Islamic Activism, *Die Welt des Islams*, vol. 47, no. 3-4(2007), 376-402.

<sup>41</sup> Sebastian Elsässer, Fathi Yakan: Islamitischer Intellektueller und Aktivist, *Grundungsvater des Sunnitischen Islamismus im Libanon*, *Jurnal Orient*, vol. IV, (2007), 64-71.

<sup>42</sup> "Islamic Action Front Annouces Death of It's Leader Fathi Yakan," *The Daily Star Lebanon* (2009). Tarikh akses 13 Julai 2011, <http://www.dailystar.com.lb>.

melalui al-Qur'an dan Hadis.<sup>43</sup> Aspek akidah juga merupakan perkara terpenting dalam penyampaian dakwah. Perkara pokok yang diberi perhatian sebagaimana yang dilakukan oleh para rasul yang terdahulu ketika melaksanakan dakwah adalah perkara yang berkaitan dengan keimanan kepada Allah s.w.t.<sup>44</sup> Beliau juga mengaitkan ketaatan kepada Allah s.w.t serta pelaksanaan segala perintah-Nya dan keimanan kepada rasul.<sup>45</sup>

Fathi Yakan turut menjelaskan mengenai matlamat penurunan kitab-kitab dan rasul-rasul kepada manusia. Dalam hal ini, ditegaskan bahawa kitab-kitab dan para rasul diturunkan dengan matlamat untuk mengajar manusia mengenal Allah s.w.t dan menjelaskan tujuan manusia hidup di dunia dan akhirat.<sup>46</sup> Malah beliau mengaitkan ketidakpercayaan kepada hari akhirat dengan materialisme di mana hari akhirat menjadi sempadan yang memisahkan akidah Islam dan materialisme.<sup>47</sup> Dalam isu berkaitan dengan keimanan kepada qada' dan qadar, Fathi Yakan berpendapat kebaikan dan kejahatan mampu dicapai oleh manusia dengan kehendak, daya usaha dan ikhtiar mereka sendiri.<sup>48</sup>

Menurut Fathi Yakan, konsep ibadah dalam Islam, ia bukan sekadar penyambung hubungan antara pencipta dan makhluk-Nya malah ia turut diiringi perasaan tunduk dan patuh kepada Allah s.w.t serta ia merupakan kemuncak perasaan kebesaran Allah s.w.t sebagai tempat pengabdian

---

<sup>43</sup> Fathī Yakan, *Mādhā Ya'ni Intimā'ī li al-Islām*, cet. 8 (Beirut: Muassasah al-Risālah, 1982),17.

<sup>44</sup> Fathī Yakan, *Kayf Nad'ū ilā al-Islām?* cet. 14 (Beirut: Mu'assasah al-Risalah, 1992), 111-113.

<sup>45</sup> *Ibid*, 120.

<sup>46</sup> Fathī Yakan, *Mādhā Ya'ni Intimā'ī li al-Islām*, 18.

<sup>47</sup> Fathī Yakan, *Kayf Nad'ū ilā al-Islām?*,123.

<sup>48</sup> Fathī Yakan, *Mādhā Ya'ni Intimā'ī li al-Islām*, 19.

diri.<sup>49</sup> Malah beliau turut mengingatkan kesan tentang pemahaman konsep qada dan qadar yang salah akan memberi pengaruh negatif dalam kehidupan manusia.<sup>50</sup>

Fathi Yakan juga turut menyentuh mengenai konsep Tauhid Rububiyah, Uluhiyah dan Asma wa al-Sifat dalam penulisan beliau. Konsep Tauhid Rububiyah dinyatakan secara langsung apabila beliau menekankan bahawa seorang Muslim perlu mengimani dan meyakini Allah s.w.t sebagai pencipta alam ini tanpa pertolongan daripada sesiapa.<sup>51</sup> Begitu juga dengan Tauhid Uluhiyah di mana seorang Muslim tidak boleh mensyirikkan Allah s.w.t dengan sesuatu dan hendaklah mengabdikan diri kepada-Nya semata-mata.<sup>52</sup> Beliau juga menyarankan usaha mempelajari dan mengetahui nama-nama dan sifat yang layak bagi Allah s.w.t dan ini boleh dilakukan menerusi ayat-ayat al-Qur'an yang menerangkan tentang sifat-sifat Allah s.w.t dan segala kesempurnaan sifat Uluhiyah-Nya.<sup>53</sup>

Sumber penulisan beliau juga antara lain adalah berdasarkan sumber utama Islam iaitu al-Qur'an dan al-Sunah yang menjadi pegangan utama kepada umat Islam. Beliau menjadikan ayat-ayat al-Qur'an dan hadis sebagai hujah dan ini menunjukkan bahawa pemikiran akidah beliau adalah akidah yang benar. Sebagai contoh dalam hal-hal berikut:

- a. Ayat-ayat yang berkaitan dengan keimanan kepada Allah s.w.t.<sup>54</sup>

Terjemahan: Kalau ada di langit dan di bumi tuhan-tuhan yang lain dari Allah, nescaya rosaklah pentadbiran kedua-duanya. Maka

---

<sup>49</sup> *Ibid.*, 27.

<sup>50</sup> Fathī Yakan, *Kayf Nad'ū ilā al-Islām?*, 127.

<sup>51</sup> Fathī Yakan, *Mādhā Ya'ni Intimā'ī li al-Islām*, 17.

<sup>52</sup> *Ibid.*, 21.

<sup>53</sup> *Ibid.*, 19 dan 20.

<sup>54</sup> *Ibid.*, 17.

(bertauhidlah kamu kepada Allah dengan menegaskan): Maha suci Allah, Tuhan Yang mempunyai Arasy, dari apa yang mereka sifatkan.

al-Anbiyā' 21:22

- b. Ayat al-Qur'an yang berkaitan dengan akhlak mulia.<sup>55</sup>

Terjemahan: Dan mintalah pertolongan (kepada Allah) dengan jalan sabar dan mengerjakan sembahyang; dan sesungguhnya sembahyang itu amatlah berat kecuali kepada orang-orang yang khusyuk.

al-Baqarah 2:45

- c. Ayat al-Qur'an yang berkaitan dengan dakwah.<sup>56</sup>  
Terjemahan: Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik...

al-Nahl 16:125

Manakala hadis yang digunakan dalam penulisan beliau adalah seperti berikut:

- a. Hadis tentang ihsan yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim.<sup>57</sup>

Terjemahan: Kamu hendaklah beribadat kepada Allah seolah-olah kamu melihat-Nya. Jika kamu tidak melihat-Nya, sesungguhnya Dia melihatmu. (Bukhari dan Muslim)

- b. Hadis yang berkaitan hudud yang diriwayatkan oleh Ibn Majah.<sup>58</sup>

---

<sup>55</sup> Fathī Yakan, *Al-Istī'āb fī Hayāh al-Da`wah wa-al-Dā'iyah*, cet.9 (Beirut : Mu'assasah al-Risālah, 1990),31.

<sup>56</sup> Fathī Yakan, *Kayf Nad'ū ilā al-Islām?*, 28.

<sup>57</sup> Fathī Yakan, *Mādhā Ya'nī Intimā'ī li al-Islām*, 28.

<sup>58</sup> Fathī Yakan, *Al-Istī'āb fī Hayāh al-Da`wah wa-al-Dā'iyah*, 40.



Terjemahan: Tegakkanlah hudud (hukum)  
Allah pada yang jauh dan dekat dan janganlah  
kamu dipengaruhi dalam (melaksanakan  
hukum) Allah oleh celaan orang yang mencela.  
(Ibn Majah)

Berdasarkan keterangan di atas, dapatlah disimpulkan bahawa pemikiran akidah Fathi Yakan masih berada dalam lingkungan dasar akidah yang benar menurut Islam. Kebergantungan penulisan beliau dengan sumber utama hukum Islam memperlihatkan bahawa pemikiran yang beliau terjemahkan dalam bentuk penulisan adalah pemikiran yang bersandarkan kepada wahyu Ilahi dan Sunnah Nabi s.a.w dan secara tidak langsung dapat mengelakkan daripada fahaman dan pemikiran yang bertentangan dengan Islam.

## **2. Pemikiran Politik dan Gerakan Islam**

Pemikiran Fathi Yakan lebih terarah kepada pengaruh gerakan Ikhwan al-Muslimin serta ruh dakwah dan politik al-Syahid Hassan al-Banna.<sup>59</sup> Justeru itulah banyak buku-buku hasil tulisan tokoh-tokoh Ikhwan al-Muslimin menjadi pilihan sebagai sumber rujukan penulisan beliau. Antaranya ialah buku tulisan Hassan al-Banna dan Sa'id Hawa. Sebagai contoh, buku yang ditulis oleh dua tokoh ini digunakan sebagai rujukan oleh Fathi Yakan dalam penulisan beliau ketika membincangkan mengenai sistem politik dan ekonomi Islam.<sup>60</sup> Fathi Yakan juga turut menulis buku mengenai Hassan al-Banna yang bertajuk *Manhājiyyāt al-Imām al-Shahīd Hasan al-Bannā wa - Madāris al-Ikhwān al-Muslimīn*.

Dalam penulisannya, beliau juga memperjelaskan mengenai tujuan amal dalam Islam. Antara lain bertujuan

---

<sup>59</sup> 'Alī, Lāghā, *Fathī Yakan: Dā'iyah wa Rā'idan li al- Harakah al- Islāmiyah fī Lubnān*, 38.

<sup>60</sup> Lihat senarai buku yang menjadi sumber penulisan Fathi Yakan dalam Fathī Yakan, *Kayf Nad'ū ilā al-Islām?*, 155 dan 161.

membangunkan masyarakat Islam atas kehancuran masyarakat jahiliyyah dari segenap aspek kehidupan<sup>61</sup> di samping melahirkan masyarakat yang berpegang teguh dengan fikrah dan cara hidup Islam dan kerajaan yang mampu melaksanakan syariat dan perlembagaan Islam, bertanggungjawab melaksanakan dakwah serta menegakkan keadilan dan kebenaran tidak terkecuali melahirkan peribadi yang ada penyebatian akidah dan akhlak Islam dalam dirinya.<sup>62</sup>

Selain itu, Fathi Yakan juga meletakkan satu piawaian sebagai ukuran terhadap kejayaan amal Islam. Pergantungan pada matlamat yang jelas dan selari dengan fahaman Islam yang membawa manusia ke arah pengabdian diri kepada Allah s.w.t dalam urusan hidupnya, menolak manusia daripada mengabdikan diri kepada *taghut* menerusi metode ciptaan manusia dan sandaran kepada kaedah asas yang tepat berdasarkan tuntutan matlamat asas amal Islam adalah satu keperluan terhadap kejayaan amal Islam.<sup>63</sup>

Kesimpulannya dapat dinyatakan bahawa pemikiran Fathi Yakan dipengaruhi oleh tokoh-tokoh Ikhwān al-Muslimīn dari segi idea dan tindakan dalam bidang politik dan gerakan Islam. Malah idea dan pandangan mereka turut dirakamkan dalam buku-buku politik dan gerakan Islam yang ditulis oleh Fathi Yakan.

### 3. Pemikiran Pendidikan

Menurut pandangan Fathi Yakan, pendidikan dalam Islam itu penting sebagai satu cara untuk melahirkan insan yang mempunyai peribadi mulia yang boleh menjadi tunggak pembangunan masyarakat.<sup>64</sup> Dalam penulisan beliau terdapat elemen-elemen pemikiran pendidikan seperti:

---

<sup>61</sup> Fathī Yakan, *Kayf Nad'ū ilā al-Islām?*, 12.

<sup>62</sup> Fathī Yakan, *Mādhā Ya'nī Intimā'ī li al-Islām*, 97.

<sup>63</sup> Fathī Yakan, *Mādhā Ya'nī Intimā'ī li al-Islām*, 147-149.

<sup>64</sup> Fathī Yakan, *Kayf Nad'ū ilā al-Islām?*, 143.

a. Pendidikan Iman

Pendidikan iman adalah pendidikan yang tertegak di atas asas teori serta diterjemahkan dalam skop yang lebih luas merangkumi aspek praktikal ibadah, akhlak dan amal.<sup>65</sup> Keimanan dan ketaatan kepada pencipta memerlukan bukti yang nyata. Justeru dalam hal ini, keimanan dan ketaatan manusia kepada Allah swt perlu dibuktikan melalui praktikal ajaran Islam dalam kehidupan mereka secara berterusan.<sup>66</sup> Fathi Yakan turut membincangkan tentang konsep keimanan kepada hari akhirat. Beliau membahaskan mengenai fungsi syurga dan neraka. Setiap amalan manusia akan mendapat balasan di mana orang yang mentaati perintah Allah s.wt disediakan syurga sebagai ganjaran dan orang yang tidak beriman kepada-Nya akan ditempatkan di neraka.<sup>67</sup>

b. Pendidikan Ruh

Unsur-unsur pendidikan ruh juga turut mendapat tempat dalam penulisan Fathi Yakan. Sebagai contoh beliau menyarankan kepada setiap individu Muslim agar dapat melatih diri mereka melaksanakan *qiamullail* serta mengambil berat mengenainya sebagai cara untuk memelihara iman malah usaha mendidik ruh memerlukan manusia mendekatkan diri kepada Allah s.w.t tanpa mengira waktu dan situasi.<sup>68</sup>

c. Pendidikan Akal

Akal memainkan peranan penting dalam kehidupan manusia. Fungsi akal dinyatakan sebagai satu alat atau cara untuk mendapat ilmu pengetahuan dengan tujuan mendekatkan diri kepada Allah s.w.t dan memikirkan kebesaran dan kekuasaan-Nya.<sup>69</sup> Fungsi akal akan

---

<sup>65</sup> *Ibid*, 23-24.

<sup>66</sup> Fathī Yakan, *Mādhā Ya'ni Intimā'ī li al-Islām*, 91.

<sup>67</sup> *Ibid*, 18-19.

<sup>68</sup> *Ibid*, 29 dan 24.

<sup>69</sup> *Ibid*, 64.

berdepan dengan kegagalan kemampuannya atas beberapa faktor. Sekiranya manusia melakukan maksiat dan berterusan melakukannya dan tidak bertaubat atas dosa yang dilakukannya kemampuan akal untuk menjalankan fungsinya akan gagal.<sup>70</sup>

#### d. Pendidikan Sosial

Beberapa isu yang berkaitan dengan unsur pendidikan sosial turut diketengahkan dalam penulisan Fathi Yakan. Persamaan hak dan perpaduan dinyatakan secara jelas kedudukannya sebagai sifat asas masyarakat Islam.<sup>71</sup> Manakala matlamat hubungan sosial dalam Islam turut dijelaskan bahawa ia tertegak atas dasar semangat tolong-menolong, semangat kerjasama di kalangan keluarga, jiran dan puak serta kesucian akhlak dan pemikiran masyarakat daripada perkara atau unsur yang merosakkan.<sup>72</sup>

Selain itu, Fathi Yakan turut menyentuh mengenai hubungan dengan komuniti, badan dan persatuan yang wujud di sekitar kehidupan manusia. Beliau berpandangan bahawa menjalin hubungan dengan badan yang tidak mendatangkan kemaslahatan fikrah bukanlah satu keharusan malah adalah satu tanggungjawab memulaukan persatuan-persatuan atau badan-badan, majalah atau apa jua yang bertentangan dengan fikrah Islam dan disarankan kepada umat Islam untuk memberi sokongan dan khidmat kepada industri yang menyumbang kepada ekonomi Islam.<sup>73</sup>

Dalam aspek berkaitan dengan sistem-sistem yang ada dalam Islam, Fathi Yakan cuba menyedarkan manusia terhadap tujuan kewujudannya. Menurut beliau, kewujudan segala sistem tersebut adalah bertujuan menjamin kestabilan, keamanan, keadilan, keharmonian

---

<sup>70</sup> *Ibid*, 65.

<sup>71</sup> Fathī Yakan, *Kayf Nad'ū ilā al-Islām?*, 145-146.

<sup>72</sup> *Ibid*, 143.

<sup>73</sup> Fathī Yakan, *Mādḥā Ya 'nī Intimā'ī li al- Islām*, 177-178 dan 180.

serta kebahagiaan manusia dalam kehidupannya di dunia dan akhirat.<sup>74</sup> Sistem-sistem ciptaan manusia telah menunjukkan kegagalannya atas ketidakmampuannya menyediakan kehidupan yang adil dan makmur, mencambahkan kekuatan dari segi ruhani dan jiwa serta menyatukanpadukan manusia.<sup>75</sup>

Malah kelemahan dan kekurangan sistem itu sendiri menjadikannya tidak berupaya untuk menjalankan fungsinya bagi mengislahkan masyarakat dan membawa kemakmuran kepada umum serta membangunkan ruh dan jasmani dalam jiwa manusia untuk berdepan dengan penjajahan kuasa-kuasa lain termasuk bagi menghapuskan Israel.<sup>76</sup> Sebagai contoh, dalam bidang ekonomi, sistem kapitalisme tidak dapat menyatupadukan manusia malah meluaskan lagi jurang perbezaan antara masyarakat apabila harta dan penghasilan produk dimonopoli oleh satu golongan sahaja, memberi kebebasan melampau terhadap pemilikan individu serta mempraktikkan riba dan lain-lain lagi.<sup>77</sup>

Manakala dalam aspek berkaitan pembangunan insan, kaedah asas bagi pembentukan peribadi Muslim adalah mengambil contoh sunnah Rasulullah s.a.w manakala proses pembentukannya juga berdasarkan sunnah nabi yang mempraktikkan pengaruh pahala sebagai ganjaran dan seksa sebagai hukuman berdasarkan kepada pelaksanaan kepada prinsip balasan yang terdapat dalam al-Qur'an.<sup>78</sup> Dalam hal ini, metode yang digunakan oleh Rasulullah s.a.w diangkat menjadi metode terbaik

---

<sup>74</sup> *Ibid.*, 111-112

<sup>75</sup> Fathī Yakan, *Kayf Nad'ū ilā al-Islām?*, 50-51.

<sup>76</sup> Fathī Yakan, *Mādḥā Ya'nī Intimā'ī li al-Islām*, 75-76.

<sup>77</sup> Fathī Yakan, *Kayf Nad'ū ilā al-Islām?*, 82-83. Lihat juga Yahya Nuryadi, *Ensiklopedia Agama dan Mazhab-Mazhab Moden*, cet. 1 (Kuala Lumpur: Al-Shafa, 2008), 208-210.

<sup>78</sup> Fathī Yakan, *Al-Istī'āb fī Ḥayāh al-Da`wah wa-al-Dā'iyah*, 76-95.

untuk diikuti dan dicontohi sesuai dengan tujuan diutuskan mereka sebagai *qudwat ḥasanat*.

e. Pendidikan Akhlak

Penulisan Fathi Yakan turut memuatkan pendidikan akhlak. Beliau memberi peringatan dan nasihat kepada pembaca agar berakhlak dengan akhlak mulia serta beradab dengan adab yang telah dianjurkan dalam Islam. Sebagai contoh, manusia dianjurkan berkorban di atas jalan Allah s.w.t. Pengorbanan di jalan Allah s.w.t dilakukan atas dasar patuh kepada-Nya dengan matlamat untuk mendapatkan kelazatan iman.<sup>79</sup> Fathi Yakan juga turut mengupas mengenai keperluan bersyukur dalam kehidupan manusia. Seorang Muslim perlu bersyukur atas segala nikmat yang dikurniakan oleh Allah s.w.t kepadanya.<sup>80</sup>

Umat Islam juga dianjurkan supaya bersikap lemah lembut dalam kehidupan mereka. Menurut Fathi Yakan, kelembutan memainkan peranan yang besar dalam aspek dakwah.<sup>81</sup> Adalah satu keperluan kepada para *da'i* untuk bersikap lemah lembut dalam usaha untuk menguasai manusia yang kurang menyukai atau membenci kekasaran, kekerasan, atau membenci orang yang bersikap kasar dan keras.<sup>82</sup> Dalam perkara berkaitan dengan ikhlas, individu Muslim diingatkan bahawa ikhlas bukan sahaja dituntut ketika melakukan amalan zahir dan batin malah ia juga merangkumi perasaan ikhlas kepada fikrah yang didokong oleh pendokong Islam.<sup>83</sup>

Umat Islam juga dianjurkan bersikap sederhana dalam kehidupan. Menurut Fathi Yakan, dalam konteks dakwah, kesederhanaan adalah satu keperluan kepada para

---

<sup>79</sup> Fathī Yakan, *Mādhā Ya 'nī Intimā'ī li al-Islām*, 22.

<sup>80</sup> *Ibid*, 23.

<sup>81</sup> Fathī Yakan, *Kayf Nad'ū ilā al-Islām?*, 41.

<sup>82</sup> Fathī Yakan, *Al-Istī'āb fī Hayāh al-Da'wah wa-al-Dā'iyah*, 33.

<sup>83</sup> Fathī Yakan, *Mādhā Ya 'nī Intimā'ī li al-Islām*, 170.

*da'i* untuk diamalkan dan perbuatan melampau atau berlebihan adalah dilarang.<sup>84</sup> Malah seorang Muslim juga disarankan supaya mengamalkan konsep kesederhanaan ketika menikmati makanan biarpun makanan tersebut adalah makanan yang halal dan bersih.<sup>85</sup> Ini menunjukkan kesederhanaan itu penting diamalkan tidak dalam tindakan atau perbuatan.

f. Pendidikan Perasaan

Fathi Yakan juga tidak menyetujui aspek yang berkait rapat dengan perasaan manusia. Sebagai contoh, individu Muslim disarankan supaya berusaha menanamkan sifat takut kepada Allah s.w.t dengan cara menjauhkan diri daripada melakukan perkara-perkara yang dimurkainya.<sup>86</sup> Perasaan takut perlu diletakkan dalam situasi yang sepatutnya supaya ketakutan manusia itu tidak akan mengundang perkara negatif yang bersangkutan dengan akidah.

g. Pendidikan Seksual.

Fathi Yakan turut menyetujui beberapa unsur pendidikan seksual dalam penulisan beliau seperti batas pergaulan antara lelaki dan perempuan serta saranan supaya menundukkan pandangan terhadap lawan sejenis. Batas syariat antara lelaki dan perempuan dinyatakan sebagai asas penting dalam usaha untuk memastikan pergaulan antara lelaki dan perempuan berada dalam keadaan terkawal.<sup>87</sup> Islam menyarankan kepada umatnya menundukkan pandangan yang boleh membawa kepada perkara haram dan berdosa serta menjurus kepada syahwat sebagai satu usaha untuk mengelakkan manusia daripada mendapat dosa lantaran pergaulan berlainan jantina.<sup>88</sup>

---

<sup>84</sup> Fathī Yakan, *Al-Isṭi'āb fī Ḥayāh al-Dā'wah wa-al-Dā'iyah*, 79.

<sup>85</sup> Fathī Yakan, *Mādhā Ya'nī Intimā'ī li al-Islām*, 68.

<sup>86</sup> *Ibid.*, 21.

<sup>87</sup> Fathī Yakan, *Kayf Nad'ū ilā al-Islām?*, 145.

<sup>88</sup> Fathī Yakan, *Mādhā Ya'nī Intimā'ī li al-Islām*, 40.

#### h. Pendidikan Jasmani

Pendidikan jasmani adalah di antara sub topik yang turut di sentuh oleh Fathi Yakan dalam penulisan beliau. Di antaranya ada yang berkait rapat dengan aspek kesihatan dan pemakanan. Dalam aspek penjagaan kesihatan diri, Fathi Yakan mengingatkan umat Islam supaya menjauhi perkara-perkara yang boleh memberi kemudahan dan kerosakan kepada kesihatan diri.<sup>89</sup> Begitu juga dengan aspek pemakanan di mana umat Islam disarankan mengamalkan konsep kesederhanaan dalam pengambilan minuman yang merangsangkan seperti teh, kopi dan seumpamanya serta menjauhi arak dan rokok<sup>90</sup>

Kesimpulannya, pemikiran Fathi Yakan mengenai pendidikan berkait rapat dengan aspek kehidupan dan biologi manusia serta meliputi aspek rohani dan jasmani. Ini membuktikan pendidikan memainkan peranan penting dalam usaha pembentukan peribadi Muslim dalam usaha melahirkan generasi yang kuat fizikal dan mental serta berperibadi mulia.

#### 4. Pemikiran Dakwah

Fathi Yakan dalam penulisan beliau menonjolkan dakwah akidah salaf.<sup>91</sup> Sebagai contoh, beliau menyarankan bahawa perkara yang berkaitan dengan pentakwilan dan pembekuan nas di mana umat Islam disarankan agar menyerahkannya kepada Allah s.w.t serta pendapat ahli salaf dalam hal ini perlu diberi keutamaan untuk diikuti.<sup>92</sup> Malah Fathi Yakan dinyatakan sebagai seorang Muslim aliran Sunni yang menolak fahaman ayat al-Qur'an berdasarkan teori falsafah Yunani.<sup>93</sup> Ini berdasarkan

---

<sup>89</sup> Fathī Yakan, *Mādhā Ya 'nī Intimā'ī li al-Islām*, 174-175.

<sup>90</sup> Fathī Yakan, *Mādhā Ya 'nī Intimā'ī li al- Islām*, 175 dan 179.

<sup>91</sup> 'Alī, Lāghā, , *Fathī Yakan: Dā'iyah wa Rā'idan li al- Harakah al- Islāmīyah fī Lubnān*, 47.

<sup>92</sup> Fathī Yakan, *Mādhā Ya 'nī Intimā'ī li al- Islām*, 21.

<sup>93</sup> 'Alī, Lāghā, *Fathī Yakan: Dā'iyah wa Rā'idan lil Harakah al- Islāmīyah fī Lubnān*, 48.



tulisan beliau bahawa seorang muslim tidak perlu berfikir mengenai zat Allah s.w.t, cukup sekadar berfikir mengenai makhluk ciptaan Allah s.w.t.<sup>94</sup> Selain itu, beberapa intipati penting dalam penulisan Fathi Yakan juga menunjukkan dakwah beliau adalah dakwah salaf. Antaranya ialah pernyataan beliau berkaitan dengan konsep pengabdian diri kepada Allah s.w.t dan konsep kecintaan kepada Allah s.w.t.<sup>95</sup>

Dalam aspek dakwah, Fathi Yakan mengetengahkan beberapa perkara penting yang berkaitan seperti tanggungjawab menyampaikan dakwah, tugas dan keperluan para *da'i* dalam usaha untuk menyampaikan dakwah, metode dan manhaj dakwah, halangan dan kesukaran dalam berdakwah serta lain-lain lagi. Sebagai contoh, Fathi Yakan cuba menyedarkan manusia mengenai salah faham tanggungjawab menyampaikan dakwah. Menurut beliau kewajipan menyampaikan dakwah tidak terlucut daripada tanggungjawab seseorang itu biarpun mereka telah menggabungkan diri dalam gerakan Islam, melibatkan diri dalam bidang penulisan atau menyampaikan khutbah dengan hujah bahawa dakwah itu tertegak atas dasar pengorbanan dari pelbagai aspek.<sup>96</sup>

Beliau juga turut menyentuh mengenai tugas utama para *da'i*. Tugas utama para *da'i* tertegak berdasarkan seruan kepada agama Islam, ajakan kepada perkara yang baik serta pencegahan daripada melakukan perkara mungkar.<sup>97</sup> Dalam hal ini skop pencapaian para *da'i* diukur sejauh mana ia mampu menguasai sasaran dakwah dari sudut harakah dan fikrah dalam situasi sasaran yang

---

<sup>94</sup> Fathī Yakan, *Mādhā Ya'ni Intimā'ī li al- Islām*, 19.

<sup>95</sup> Fathī Yakan, *Mādhā Ya'ni Intimā'ī li al-Islām*, 21 dan 22.

<sup>96</sup> Fathī Yakan, *Kayf Nad'ū ilā al-Islām?*, 11.

<sup>97</sup> *Ibid*, 14.

mempunyai pelbagai latar belakang berbeza, status, tabiat dan pemikiran yang berlainan antara satu sama lain.<sup>98</sup>

Menurut beliau lagi, ilmu dan kemahiran adalah satu keperluan dalam melaksanakan sesuatu perkara. Contohnya dalam merealisasikan matlamat dakwah, adalah satu keperluan untuk menguasai ilmu dan teori selain daripada keperluan material dan amal.<sup>99</sup> Dalam buku yang lain Fathi Yakan menjelaskan sebab pentingnya ilmu kepada para *da'i* dalam melaksanakan tugas mereka. *Da'i* yang memahami agama Allah s.w.t serta mempunyai ilmu pengetahuan am membuka peluang untuk komunikasi berkesan dengan sasaran berdasarkan mentaliti mereka.<sup>100</sup>

## 5. Pemikiran Ekonomi

Dalam bidang ekonomi, pemerintah Islam memikul tanggungjawab yang besar. Mereka dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan prinsip-prinsip ekonomi Islam.<sup>101</sup> Lantaran itu pemerintah memainkan peranan penting terhadap dasar ekonomi bagi memastikannya dijana dengan sebaiknya selaras dengan matlamatnya. Fathi Yakan turut menegaskan cara untuk menjana ekonomi Islam dengan baik antaranya ialah menyokong dan memberi sumbangan terhadap industri yang berpotensi menambahkan kekayaan Islam menggunakan produk yang dihasilkan oleh orang Islam serta berusaha memastikan aliran wang keluar tidak jatuh ke tangan bukan Islam.<sup>102</sup>

Menurut pandangan Fathi Yakan, matlamat ekonomi Islam adalah meningkatkan pengeluaran bagi menjamin keperluan asas manusia, merapatkan jurang di kalangan

---

<sup>98</sup> Fathī Yakan, *Al-Istī'āb fī Ḥayāh al-Da`wah wa-al-Dā`iyah*, 9.

<sup>99</sup> Fathī Yakan, *Kayf Nad'ū ilā al-Islām?*, 167.

<sup>100</sup> Fathī Yakan, *Al-Istī'āb fī Ḥayāh al-Da`wah wa-al-Dā`iyah*, 19.

<sup>101</sup> Fathī Yakan, *Kayf Nad'ū ilā al-Islām?*, 154 dan 159.

<sup>102</sup> Fathī Yakan, *Mādhā Ya`nī Intimā`ī li al-Islām*, 177.

masyarakat serta mewujudkan keharmonian dan keadilan di kalangan masyarakat.<sup>103</sup> Hak pemilikan diiktiraf dalam ekonomi Islam bertepatan dengan matlamat ekonomi Islam iaitu mewujudkan keadilan dan keharmonian dalam masyarakat. Hak milik individu dalam Islam diakui dengan syarat ia diperolehi dengan cara yang dibenarkan oleh syarak.<sup>104</sup>

Selain itu hak milik awam dan hak milik negara juga diiktiraf dalam Islam. Hak orang miskin diiktiraf menerusi amalan berzakat manakala hak masyarakat dipertahankan di mana segala perbuatan yang boleh menyebabkan kerugian kepada masyarakat adalah diharamkan.<sup>105</sup> Pemerintah pula diberi hak untuk mengenakan cukai yang adil terhadap rakyatnya sekiranya ada keperluan.<sup>106</sup>

Berdasarkan keterangan di atas, dapatlah dinyatakan bahawa pemerintah memainkan peranan penting dalam sesebuah bagi memastikan matlamat ekonomi Islam dapat dijana dengan baik sesuai dengan syariat dan memelihara hak milik orang Islam daripada terjatuh ke tangan bukan Islam. Pemilikan individu, pemilikan awam dan pemilikan negara diiktiraf dalam Islam selagi tidak bertentangan dengan syariat.

### **Kesimpulan**

Fathi Yakan merupakan individu yang aktif melibatkan diri dalam bidang penulisan bagi menghasilkan sejumlah karya-karya yang bermutu. Beliau menyampaikan pandangan dan pemikiran melalui buku-buku yang ditulis oleh beliau. Penulisan beliau yang menyentuh pelbagai skop kehidupan manusia dikenal pasti turut tidak meminggirkan unsur-unsur penting yang berkaitan dengan agama, ekonomi, politik, sosial dan pendidikan

---

<sup>103</sup> Fathi Yakan, *Kayf Nad'ū ilā al-Islām?*, 151.

<sup>104</sup> *Ibid.*

<sup>105</sup> *Ibid.*, 153.

<sup>106</sup> *Ibid.*

membuktikan bahawa beliau telah memberi sumbangan yang bukan sedikit terhadap perkembangan khazanah ilmu malah hasil tulisan beliau mampu memberi impak kepada pembaca ke arah perubahan yang lebih baik serta melahirkan tindakan yang aktif dalam mengislahkan masyarakat.

Beliau membahaskan isu-isu penting yang mempunyai hubungan dengan kehidupan manusia berdasarkan pemikiran beliau. Semoga buku-buku beliau yang lain dapat dikaji dengan lebih mendalam agar pemikiran dan ilmu yang terkandung di dalam buku peninggalan beliau dapat dikongsi bersama umum. Walaupun kini beliau telah kembali menemui penciptanya, khazanah ilmu yang ditinggalkan masih boleh dikaji dan dibaca, diambil pengajaran serta diwarisi dari satu generasi ke satu generasi yang lain malah pemikiran beliau terhadap sesuatu bidang mampu digunapakai dan disebarkan kini.

### **Rujukan**

- A.Nizar Hamzeh, Islamism in Lebanon: A Guide to The Groups, *The Middle East Quarterly*, vol. 4, no. 3, September 1997.
- Ab. Aziz Mohd. Zin. *Pengantar Dakwah Islamiah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1997.
- Ahmad Amri Zainal Abidin dan Nurasyikin Ahmad. *50 Tokoh Islam yang Mengubah Dunia*, cet. 1. Selangor: PTS Millenia. Sdn. Bhd., 2009.
- Ahmad Redzuwan Mohd Yunus. *Sejarah Dakwah*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributor, 2001.
- ‘Ālī, Lāghā. *Fathī Yakan: Dā‘īyah wa Rā‘idan li al-Harakah al-Islāmīyah fī Lubnān*, cet. 2. Beirut: Markaz al-Ḥaḍārah li Tanmīyah al-Fikr al-Islāmī, 2012.
- Elsasser, Sebastian, "Fathi Yakan: Islamitischer Intellektueller und Aktivist, Grundungsvater des Sunnitischen Islamismus im Libanon," *Jurnal Orient*, vol. IV, (2007): 64-71 .

- Elsasser, Sebastian, *Between Ideology and Pragmatism: Fathī Yakan's Theory of Islamic Activism*, *Die Welt des Islams*, vol. 47, no. 3-4, (2007): 376-402.
- Fathī Yakan. *Kayf Nad'ū ilā al-Islām?* cet. 14. Beirut: Mu'assasah al-Risālah, 1992.
- Fathī Yakan. *Al-Istī'āb fī Ḥayāh al-Da`wah wa-al-Dā`iyah*, cet. 9. Beirut: Mu'assasah al-Risālah, 1990.
- Fathī Yakan. *Mādhā Ya'nī Intimā'ī li al-Islām*, cet. 8. Beirut: Muassasah al-Risālah, 1982.
- Gambill, Gary. C., "Lebanon Ambivalent toward US War on Terror," *Middle East Intelligence Bulletin*, Oktober 2001, vol.3, no.11. <http://www.meforum.org>.
- Israel Elad-Altman, "The Brotherhood and The Shiite Question" disunting oleh Hillel Fradkin, et.al, *Current Trends in Islamist Ideology*, vol.9, 46-63(2007). <http://www.hudson.org>.
- Jinan University of Lebanon. "Board of Trustee." <http://www.jinan.edu.lb>.
- Jinan University of Lebanon. "List of Agreements." <http://www.jinan.edu.lb>.
- Mahan, Abedin, "Middle East: Opposition Struggles for Control of Tripoli," 13 Januari 2010, Asia Times Online. <http://www.atimes.com>
- Mahfuz, 'Alī. *Hidayah al-Murshidīn ilā Ṭuruq al-Wa'z wa al-Khiṭābah*, cet. 9. Kaherah: Dār al-'Itiṣam, 1979.
- Mohamad Ariffin b. Ismail, *Cabaran Akidah: Pemikiran Islam Liberal*, Kuala Lumpur: Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2009.
- Nor Raudah Hj. Siren. *Retorik Penulisan Dakwah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2013.
- Olarutvik, Bjørn dan Tønnessan, Truls Hallberg, "Islamist Movement in The Middle East: Challenging the Autocrat," *Report Jun 2008 University of Oslo*.55, <http://bs3.auinstallation28.cs.au.dk>
- Paz, Reuven, "Targetting Terrorist Financing in The Middle East," International Conference on

- Countering Terrorism Through Enhanced International Cooperation, Courmayeur Mont Blanc Itali, 22-24 September 2000.
- Saab, Bilal Y. dan Riedel, Bruce O. "Expanding the Jihad: Hizb'allah Sunni Islamist Network." The Brookings Institution, 2007, <http://www.brooking.edu>
- Saab, Bilal Y. dan Ranstorp, Magnus, "Securing Lebanon from the Threat of Salafist Jihadism", *Studies in Conflict & Terrorism*, vol. 30, issue 10, (2007), 825-855.
- Shubakah al-Da'wah. "*Al-Dā'īyah Fathī Yakan: al-Sīrah al-Dhātīyah wa al-'Ā'ilīyah.*" <http://www.daawa.net>.
- Shubakah al-Da'wah. "*Al-Dā'īyah Fathī Yakan: Mudhākīrāt al-Shakhṣīyah.*" <http://www.daawa.net>.
- Talib Samat. *Motivasi dan Jihad Umat Islam Alaf Baru*, cet. 1. Selangor: Thinker's Library, 1980.
- The Daily Star Lebanon, "*Islamic Action Front Annoucces Death of It's Leader Fathi Yakan.*" 2009, <http://www.dailystar.com.lb>.
- The Global Muslim Brotherhood Daily Watch. "Obituary Fathi Yakan-Lebanese Muslim Brotherhood Leader." <http://www.globalmbwatch.com>.
- Wīkīpīdiyā li al-Ikhwān al-Muslimūn. "*Al-Dā'īyah al-Duktūr Fathī Yakan, al-Murāqib al-'Ām al-Asbaq li al-Ikhwān fī Lubnān.*" <http://www.ikhwanwiki.com>.
- Yahya Nuryadi. *Ensiklopedia Agama dan Mazhab-mazhab Moden*, cet. 1. Kuala Lumpur: Al-Shafa, 2008.
- Yunus Hanis Syam, *Panduan Berdakwah lewat Jurnalistik*, cet. 1. Penerbit Pinus, Yogyakarta, 2006.
- Zaydān, 'Abd Karīm. *Uṣūl al-Da'wah*, cet. 3. Beirut: Muassasah al-Risālah, 1976.